

CNS9635

R PB 15-09 00148 BH425

aab

Ghafar - Nafi

GHAJAR NAFI AKAN LEPAS JAWATAN HANYA JIKA MAHATHIR LETAK DAHULU

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba hari ini menafikan laporan akhbar-akhbar tempatan kononnya beliau berkata bahawa beliau tidak akan melepaskan jawatannya sekarang sekiranya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga tidak berbuat demikian.

"Saya menafikan kenyataan yang kononnya saya telah berkata di Seremban bahawa saya akan berundur apabila Dr Mahathir juga berbuat begitu," kata Ghafar yang menghubungi Bernama di sini.

Akhbar-akhbar hari ini melaporkan bahawa Ghafar berkata di Seremban malam kelmarin yang beliau lambat laun tetap akan berundur tetapi menegaskan jika Perdana Menteri masih ada, tidak wajar baginya untuk meletakkan jawatan.

Ghafar dilaporkan berkata demikian semasa berucap di majlis makan malam dengan anggota Umno Bahagian Rasah.

Bagaimanapun, Ghafar enggan mengulas lanjut mengenai laporan itu. --  
Lagi

♥15/09/18-03MST

CNS9637

R PB 15-09 00129 BH426

aab

Ghafar - Nafi 2 Kuala Lumpur

Ghafar juga berkata, beliau tidak pernah membuat tuduhan bahawa para pemimpin Umno Sabah telah dibeli dan jauh sekali menghina mereka seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Berita yang menyatakan saya menuduh ada penipuan dalam pencalonan Timbalan Presiden Umno juga tidak benar," katanya.

Katanya, ketika berucap di Papar, Sabah, beliau hanya menyentuh mengenai dua peristiwa yang telah dilaporkan kepadanya.

Pertama, katanya, peristiwa yang berlaku di Bahagian Bandau, Sabah, di mana 115 orang anggota Umno tidak dibenarkan menghadiri persidangan perwakilan bahagian sedangkan yang membuat keputusan ialah 50 orang sahaja.

Kedua pula, katanya, ada pengerusi persidangan perwakilan bahagian yang tidak memberikan kesempatan anggota-anggotanya membuat pencalonan selain daripada yang disenaraikan oleh ketua-ketua bahagian. -- Lagi

♥15/09/18-03MST

CNS9641

R PB 15-09 00111 BH427

aab

Ghafar - Nafi 3 Kuala Lumpur

Ghafar berkata, sebaik sahaja selesai ketua bahagian membacakan senarai calon-calon Majlis Tertinggi Umno, timbul dengan serta merta satu suara supaya pencalonan itu ditutup.

Katanya, selepas cadangan supaya pencalonan itu ditutup mendapat satu sokongan, pengerusi persidangan dengan sewenang-wenangnya menutup pencalonan berkenaan.

"Perkara ini seolah-olah telah dirancang terlebih dahulu. Cara ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan Umno," katanya.

Katanya, sepanjang pengetahuan beliau, tidak ada seorangpun pemberita hadir pada perjumpaan di Papar itu.

Pada kebiasaannya, kata beliau, selepas berucap pada sesuatu majlis, ada pemberita yang akan monemuramahnya tetapi perkara itu tidak berlaku di Papar. -- Lagi

▼15/09/18-07MST

CNS9643

R PB 15-09 00112 BH428

aab

Ghafar - Nafi 4 Kuala Lumpur

"Bagaimana berita itu boleh terkeluar, tidaklah saya tahu," katanya.

Ghafar berkata, beliau tidak mahu membuat apa jua tuduhan melulu dengan tiada bukti yang sah.

Oleh itu, katanya, beliau telah meminta Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun, supaya mengadakan mesyuarat perhubungan untuk menyiasat laporan yang diterimanya (Ghafar).

Ketika ditanya apakah tindakan yang akan diambilnya jika siasatan menunjukkan laporan yang diterimanya itu benar, beliau berkata : "Saya akan tunggu laporan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Sabah kerana saya tidak mahu mengambil tindakan selagi tidak ada bukti". -- Bernama

AH SJ RS

▼15/09/18-07MST